# Tingkat purata pendapatan selari cadangan pengenalan SSM baharu - Cuepacs



Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Adnan Mat

27/09/2021 07:13 PM

KUALA LUMPUR, 27 Sept -- Matlamat kerajaan meningkatkan purata pendapatan isi rumah kira-kira RM10,000 sebulan pada 2025 selaras dengan harapan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) agar Sistem Saraan Malaysia (SSM) baharu untuk perkhidmatan awam diwujudkan.

Presidennya Adnan Mat berkata pihaknya berharap kerajaan menyediakan peruntukan dalam Belanjawan 2022 bagi mewujudkan SSM baharu memandangkan sejak penggubalannya pada November 2002, ia tidak pernah dikaji atau ditambah baik sehingga hari ini.

"Pelaksanaan sistem saraan baharu perlu dilakukan bagi memastikan ia relevan dengan persekitaran ekonomi semasa dan bukannya menggunakan dapatan daripada sistem yang diwujudkan 19 tahun lalu.

"Ia juga boleh menjadi permulaan kepada kerajaan dalam merangka jalan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah yang ketika ini sekitar RM7,901 pada tahun lalu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengenai inisiatif untuk mengkaji cadangan memperkenalkan Akta Perkhidmatan Awam, Adnan berkata ia wajar disokong bagi memastikan ketelusan dan integriti dalam urus tadbir perkhidmatan awam kerana membolehkan pengasingan kuasa dan tanggungjawab antara anggota pentadbiran dengan penjawat awam.

"Jika berlakunya campur tangan dalam urusan penjawat awam, sudah tentu akan mewujudkan isu konflik kepentingan dalam kalangan anggota pentadbiran manakala penjawat awam sukar untuk melaksanakan dasar dengan jayanya.

"Pengasingan kuasa sebenarnya sudah wujud, namun sering kali disalah erti kerana tidak wujud ketegasan dalam undang-undang atau akta sedia ada...cadangan ini amat baik dan wajar disokong," katanya.

Menyentuh cadangan memperkenalkan Indeks Tadbir Urus Malaysia, Adnan berkata ia wajar bagi memastikan sesuatu dasar untuk rakyat dapat disampaikan dengan baik.

"Ia bukan suatu perkara baharu dalam sesebuah organisasi termasuklah dalam perkhidmatan awam kerana sudah tentu setiap perkara yang mahu dilaksanakan perlu ada suatu petunjuk prestasi utama (KPI) atau indeks ditetapkan bagi mengukur kejayaan tersebut.

"Mungkin namanya sahaja berubah tetapi pelaksanaannya tetap bermatlamat untuk memastikan rakyat menikmati hasil terbaik dan pada masa sama menjadi garis panduan kepada perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat agar selari dengan apa yang ditetapkan," katanya.

Selain itu, Adnan berkata Pelan Antirasuah Nasional dan Pelan Antirasuah Organisasi yang dilaksanakan kerajaan perlu didukung supaya setiap strategi dan inisiatif di bawah RMK12 dapat dilakukan secara tersusun dengan penuh integriti serta bertanggungjawab.

-- BERNAMA